

**IMPLIKASI PERLAKSANAAN TEKNIK SUMBANG  
SARAN TERHADAP KEMAHIRAN PENULISAN  
KARANGAN DI KALANGAN PELAJAR DI  
SEKOLAH MENENGAH ALL SAINTS  
KOTA KINABALU SABAH**

**ALI ZAPAR BIN ALI**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN  
SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2005**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

### BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @

**JUDUL :** Implikasi Pelaksanaan Teknik Sumbang Saran Terhadap Kemahiran Penulisan Karangan Di Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah All Saints Kota Kinabalu, Sabah.

**IJAZAH :** Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

**SESI PENGAJIAN :** SESI 2004/2005

Saya, **Ali Zapar Bin Ali**. Mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Sabah dengan syarat-syarat kegunaan berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD.

Disahkan oleh

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

  
NORAZLYNE MOHD. JOHAN @ JACKLYNE  
PUSTAKAWAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

( TANDATANGAN PUSTAKAWAN )

  
(Penulis : **ALI ZAPAR BIN ALI** )

Alamat Tetap:  
SM.All Saints,  
P.O.Box 10520,  
88805 Kota Kinabalu,  
Sabah.

  
(**MOHD. YUSOF ABDULLAH**)  
PENYELIA

TARIKH : 01 OGOS 2005

TARIKH : 02 OGOS 2005

**CATATAN :** @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



## **PENAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

**ALI ZAPAR BIN ALI**  
**PS03-006(K)-039**  
**18 JULAI 2005**



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat saya menyiapkan tesis ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Haji Mohd. Yusof Abdullah selaku penyelia kajian ini, atas segala tunjuk ajar dan kesungguhannya. Bimbingan beliau telah membantu saya mengatasi segala cabaran dan rintangan dalam menyempurnakan disertasi ini.

Ucapan terima kasih kepada Prof. Dr.Zulkifli Mohamed, Dekan Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial dan pihak pentadbiran Universiti Malaysia Sabah kerana memberi saya peluang untuk mengikuti pengajian pasca siswazah, serta tenaga pensyarah Universiti Malaysia Sabah yang banyak memberi pengetahuan baru dan bimbingan sepanjang kursus ini berlangsung.

Ribuan terima kasih juga dirakamkan buat Dekan Pasca Siswazah Prof. Dr.Shukery Mohamed atas keprihatinannya dalam mengurus keperluan kami sepanjang pengajian.

Kepada Puan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan All Saints, Kota Kinabalu Sabah Puan Lorna Mathews, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih atas jasa baik dan kerjasama yang diberikan bagi membantu menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih untuk Guru-guru Bahasa Melayu En. Jimmy Kulas, En Suhaimi Ibrahim, En. Paulus Dusia dan Pn. S. Rahtini A. Talib yang banyak membantu saya dalam melaksanakan kajian ini. Ucapan ribuan terima kasih kepada semua rakan saya En.Humin Jusilin, En.Miller Yong, Cik Anna Liew kerana membantu dan memberi semangat dalam usaha menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih saya khas untuk isteri tersayang Pn. Siti Rupia M. Jain serta puteri-puteri yang dikasihi Nurul Aniza, Nurul Atiqah, Nurul Athirah dan Nurul Asyiqin serta putera kesayangan Mohd.Hazli. Doa dan semangat serta kasih sayang mereka telah menjadi sumber inspirasi saya untuk menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih yang sama juga saya tujukan kepada ayahanda serta semua keluarga yang terdekat.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya menyiapkan tesis ini secara langsung atau tidak langsung. Semoga Tuhan akan membalas jasa baik semua pihak yang telah menghulurkan tangan dalam menjayakan tesis ini.



## ABSTRAK

### **IMPLIKASI PERLAKSANAAN TEKNIK SUMBANG SARAN TERHADAP PENULISAN KARANGAN DI KALANGAN PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH ALL SAINTS KOTA KINABALU, SABAH.**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti Implikasi Pelaksanaan Teknik Sumbang Saran Terhadap Kemahiran Penulisan Karangan Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah All Saints, Kota Kinabalu Sabah. Selain itu tujuan kajian ini juga adalah untuk mendapatkan maklumat tentang bagaimana keberkesanan teknik ini di dalam penulisan karangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah All Saints, Kota Kinabalu. Untuk tujuan itu, seramai 169 orang pelajar tingkatan satu yang mewakili enam buah kelas telah dijadikan sampel eksperimen. Pelajar akan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Kumpulan Kawalan dan eksperimen. Kedua-dua kumpulan ini akan diuji melalui ujian iaitu ujian pra dan pasca yang akan dikendalikan oleh guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu Tingkatan Satu dalam jangka masa empat minggu bagi sebuah ujian. Instrumen proses kajian menggunakan Reka Bentuk Kuasai Eksperimen Model Weirisma dan Instrumen untuk mendapat skor peratus menggunakan Skema Pemarkahan Heaton. Terdapat lima struktur utama dalam perisian instrumen ini iaitu Struktur, Isi, Perbendaharaan Kata, Penyusunan dan Mekanis dan ianya dibahagikan kepada 20 items. Guru yang menjalankan setiap ujian akan memberikan markah berdasarkan 20 item yang disenaraikan dalam borang instrumen dan memasukkan skala A,B,C,D atau E berasaskan markah yang diperolehi oleh pelajar kemudian memberikan markah keseluruhannya. Data yang dikutip dianalisis menggunakan kaedah statistik Deskriptif, Min dan Excel dalam pengiraan peratus keseluruhan peningkatan. Keputusannya menunjukkan bahawa teknik sumbang saran sangat membantu dan sesuai untuk digunakan dalam penulisan karangan. Dalam ujian Pra untuk kumpulan kawalan dan ujian Pasca untuk kumpulan eksperimen, membuktikan bahawa tahap pencapaian dan purata peratus peningkatan adalah meningkat kepada 15.46% Kemahiran penulisan para pelajar bertambah baik setelah diberi penekanan lebih terhadap teknik sumbang saran. Ini bermaksud bahawa teknik sumbang saran amat berkesan digunakan dalam pengajaran penulisan karangan.



## **ABSTRACT**

### **THE IMPLICATION OF THE BRAINSTORMING TECHNIQUE IMPLEMENTATION TOWARDS WRITING SKILL IN BAHASA MELAYU AMONG THE STUDENTS OF ALL SAINTS SECONDARY SCHOOL KOTA KINABALU SABAH.**

*The purpose of this research is to identify the implication of the brainstorming implementation towards writing skill in Bahasa Melayu among the students of SM.ALL SAINTS, Kota Kinabalu Sabah. Besides, this research also aimed to gain information on how effective this technique in essay writing among the students of SM.ALL SAINTS. For this purpose, about 169 form one students represent six classes to be the experimental sample. The students are going to be divided into two groups, that is the Control and Experimental group. This group will be tested in Pre and Post test which will be handle by the form one Bahasa Melayu teachers within four weeks time for each test. The Weirsma and Heaton Marking Scheme are being used for this research to gain the percentage score. There are five main structures in this instrument, the Grammar, Content, Vocabulary, Arrangement and Mechanise which has been divided into 20 items. The teachers who give the test will give the marks according to the 20 items given and will also give A,B,C,D and E scale for the students achievement. The gained data will be analyse by using the Descriptive Statistic Method, Average Percentage and Excel to obtain the increasing percentage. The result shows that the brainstorming technique is very helpful and suitable for teaching essay writing. In the Pre and Post test for this Control and Experimental group proved that the level of achievement together with the average of percentage is increasing about 15.46%. The students writing skill improved a lot after the brainstorming technique is emphasis on them. It means that this technique is very effective in teaching essay writing.*



## ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
<b>BAB 1      PENDAHULUAN</b>	
1.1    Latarbelakang	1
1.2    Pernyataan Masalah	5
1.3    Objektif Kajian	23
1.4    Persoalan kajian	24
1.5    Definisi Operasional	24
1.5.1    Karangan	24
1.5.2    Teknik Sumbang Saran	26
1.6    Kepentingan Kajian	27
1.6.1    Dapat dijadikan panduan dan rujukan bagi panitia mata pelajaran Bahasa Melayu.	27
1.6.2    Dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji Yang ingin membuat penyelidikan di Sekolah ini.	27
1.6.3    Dapat disimpan dan dijadikan rujukan Di pejabat Pelajaran Daerah Kota Kinabalu.	28



1.7	Batasan kajian	28
1.7.1	Lokasi	28
1.7.2	Sampel	29
1.7.3	Tajuk	29

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	31
2.2	Konsep Teknik Sumbang Saran	32
2.3	Kemahiran Menulis	34
2.4	Tahap Tahap Proses Menulis	37
2.4.1	Tahap Prapenulisan	37
2.4.2	Tahap Penulisan	38
2.4.3	Tahap Penyemakan	38
2.5	Ciri-ciri Karangan Yang Baik	39
2.6	Teori-Teori Kajian Pembelajaran	41
2.6.1	Teori Sosiokonstruktisme	41
2.6.2	Teori Behaviourisme	42
2.6.3	Kaitan Teori Sosiokonstruktisme	44
2.7	Model Kajian	45
2.7.1	Model Kitaran Empat Langkah Inkuiri Guru Untuk Proses Pengajaran dan Pembelajaran.	46

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	48
3.2	Rekabentuk Kajian	48





3.3	Persampelan Kajian	50
3.4	Lokasi Kajian	51
3.5	Instrumen Kajian	51
3.4.1	Anda pernah menyaksikan satu kebakaran bangunan kedai di tempat anda. Tulis peristiwa tersebut selengkapnya.	52
3.4.2	Semangat kejiranan perlu dipupuk di kalangan masyarakat berbilang kaum. Bincangkan.	52
3.6	Prosedur Kajian	52
3.7	Pemarkahan	53
3.7.1	Komponen Pemarkahan	54
3.7.2	Skema Pemarkahan Heaton bagi Kemahiran Penulisan Karangan.	56
3.7.3	Kriteria Penskoran	56
3.8	Analisis Data	57

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	58
4.2	Dapatan Kajian Pra	58
4.3	Analisis Dapatan Ujian Pasca Dan Perbandingannya Dengan Ujian Pra.	69
4.4	Perbandingan Pencapaian Aspek Tatabahasa, Isi, Perbendaharaan Kta, Penyusunan dan Mekanis.	79
4.5	Perbezaan Pencapaian Penulisan Ujian Pra Dan Ujian Pasca.	81
4.6	Kesimpulan Kajian	82



<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN CADANGAN DAN RUMUSAN</b>	
5.1	Pengenalan	84
5.2	Perbincangan	84
5.3	Cadangan Kepada Guru	90
5.4	Cadangan Kepada Pelajar	93
5.5	Rumusan	94
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>97</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	



**SENARAI JADUAL****Muka Surat**

Jadual 1.1	Analisis Keputusan kajian Penulisan Karangan Bahasa Melayu UPSR 1992.	16
Jadual 1.2	Peratus Kelulusan Murid SRJK(T) Dalam Kertas Ujian Penulisan.	16
Jadual 1.3	Perbandingan Keupayaan Tatabahasa Dan Tataberbahasa.	19
Jadual 1.4	Pencapaian Pelajar Dalam Kemahiran Membaca Dan Menulis.	19
Jadual 3.1	Instrumen Kajian	54
Jadual 3.2	Perincian Instrumen Kajian	55
Jadual 4.1	Ketepatan Tatabahasa Hasil Dapatan Ujian Pra	59
Jadual 4.2	Kompleksiti Ayat Hasil Dapatan Ujian Pra	59
Jadual 4.3	Keragaman Struktur Hasil Dapatan Ujian Pra	60
Jadual 4.4	Keberkesanan Bahasa Hasil Dapatan Ujian Pra	60
Jadual 4.5	Kaitan Idea Hasil Dapatan Ujian Pra	61
Jadual 4.6	Keragaman Hasil Dapatan Ujian Pra	61
Jadual 4.7	Keaslian Hasil Dapatan Ujian Pra	62
Jadual 4.8	Perkembangan Dan Huraian Idea/Isi Hasil Dapatan Ujian Pra	62
Jadual 4.9	Pemilihan Kata Yang Tepat Hasil Dapatan Ujian Pra	63
Jadual 4.10	Beraneka Hasil Dapatan Ujian Pra	63
Jadual 4.11	Luas Hasil Dapatan Ujian Pra	64
Jadual 4.12	Perkembangan Tema Cerita Hasil Dapatan Ujian Pra	64
Jadual 4.13	Sistematis Hasil Dapatan Ujian Pra	65
Jadual 4.14	Bertalian Hasil Dapatan Ujian Pra	65



Jadual 4.15	Jelas Hasil Dapatan Ujian Pra	66
Jadual 4.16	Ejaan Hasil Dapatan Ujian Pra	66
Jadual 4.17	Bacaan Hasil Dapatan Ujian Pra	67
Jadual 4.18	Penggunaan Tanda Baca (Huruf Besar) Hasil Dapatan Ujian Pra	67
Jadual 4.19	Penggunaan Tanda Baca (Huruf Kecil) Hasil Dapatan Ujian Pra	68
Jadual 4.20	Kebolehan Tulisan Tangan Hasil Dapatan Ujian Pra	68
Jadual 4.21	Ketepatan Tatabahasa Hasil Dapatan Ujian Pasca	69
Jadual 4.22	Kompleksiti Ayat Hasil Dapatan Ujian Pasca	69
Jadual 4.23	Keragaman Struktur Hasil Dapatan Ujian Pasca	70
Jadual 4.24	Keberkesanan Bahasa Hasil Dapatan Ujian Pasca	70
Jadual 4.25	Kaitan Idea Hasil Dapatan Ujian Pasca	71
Jadual 4.26	Keragaman Hasil Dapatan Ujian Pasca	71
Jadual 4.27	Keaslian Hasil Dapatan Ujian Pasca	72
Jadual 4.28	Perkembangan Dan Huraian Idea/Isi Hasil Dapatan Ujian Pasca	72
Jadual 4.29	Pemilihan Kata Yang Tepat Hasil Dapatan Ujian Pasca	73
Jadual 4.30	Beraneka Hasil Dapatan Ujian Pasca	73
Jadual 4.31	Luas Hasil Dapatan Ujian Pasca	74
Jadual 4.32	Perkembangan Tema Cerita Hasil Dapatan Ujian Pasca	74
Jadual 4.33	Sistematis Hasil Dapatan Ujian Pasca	75
Jadual 4.34	Bertalian Hasil Dapatan Ujian Pasca	75
Jadual 4.35	Jelas Hasil Dapatan Ujian Pasca	76
Jadual 4.36	Ejaan Hasil Dapatan Ujian Pasca	76
Jadual 4.37	Bacaan Hasil Dapatan Ujian Pasca	77



Jadual 4.38	Penggunaan Tanda Baca ( Huruf kecil ) Hasil Dapatan Ujian Pasca	77
Jadual 4.39	Kebolehan Tulisan Tangan Hasil Dapatan Ujian Pasca	78
Jadual 4.40	Penggunaan Tanda baca (Huruf Besar) Hasil Dapatan Ujian Pasca	78
Jadual 4.41	Tatabahasa Hasil Dapatan Ujian Pasca	79
Jadual 4.42	Isi Hasil Dapatan Ujian Pasca	79
Jadual 4.43	Perbendaharaan Kata Hasil Hasil Perbandingan Ujian Pra dan Pasca	80
Jadual 4.44	Penyusunan Hasil Perbandingan Ujian Pra dan Pasca	80
Jadual 4.45	Mekanis Hasil Perbandingan Ujian Pra dan Pasca	81



**SENARAI RAJAH****Muka Surat**

Rajah 2.1	Model Kitaran Empat Langkah Inkuiri Guru Untuk Proses Pengajaran Dan Pembelajaran.	46
Rajah 3.1	Reka Bentuk Penyelidikan Kuasai Eksperimen Model Weirsma.	49



# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Latarbelakang**

Bahasa Melayu dipertuturkan dengan luasnya bukan saja oleh penduduk Melayu tetapi juga oleh kaum lain yang tinggal di Malaysia. Dengan kata lain, bahasa Melayu itu dipertuturkan oleh semua suku kaum yang tinggal di Negara Malaysia. Menurut Lyon (1987), tidak ada sekelompok manusia pun yang wujud pada masa sekarang ataupun yang diketahui pernah wujud pada masa lalu yang tidak memiliki satu bahasa yang boleh memenuhi keperluan komunikasi mereka. Ini kerana, setiap insan memerlukan sekurang-kurangnya satu bahasa untuk membolehkannya berkomunikasi dengan dirinya sendiri dan dengan individu lain.

Tidak dapat dinafikan bahasa merupakan alat atau senjata komunikasi yang amat penting dalam proses kehidupan manusia seharian dan sepanjang hayatnya. Ini selaras dengan apa yang dikatakan oleh Raminah dan Rahim Syam (1984), bahawa bahasa adalah alat komunikasi untuk manusia berhubung melahirkan perasaan, fikiran, kehendak dan sebagainya. Lebih-lebih lagi dalam alaf baru ini, bahasa dianggap sebagai wahana penyampai maklumat dan alat penyebaran ilmu pengetahuan.

Walaupun manusia telah berjaya mencipta pelbagai alat canggih masih tidak mampu mengenyahkan kewujudan dan kepentingan bahasa. Menurut Mangantar dan Kamaruddin (1986), bahasa itu merupakan satu sistem kognitif yang unik yang dapat dimanipulasikan oleh manusia untuk menghasilkan sejumlah kalimat-kalimat yang tidak terbatas berdasarkan unsur-unsur yang



terbatas untuk dipakai oleh manusia itu sebagai alat berkomunikasi dan mengakumulasikan ilmu pengetahuan.

Bahasa Melayu (BM) adalah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Negara Malaysia. Ia juga merupakan bahasa pengantar kepada semua institusi pendidikan. Namun begitu penggunaan Bahasa Melayu standard (BMS) di kalangan bukan penutur jatinya tidak terkecuali daripada pengaruh dialek-dialek tempatan.

Keadaan ini boleh menjadi batu penghalang pembentukan taraf BM sebagai bahasa yang utama di Negara kita. Kita sedia maklum bahawa penduduk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum tentu menyukarkan penggunaan BMS dengan lebih baik. Namun begitu, pihak kerajaan telah mengiktiraf BM sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi pertuturan di kalangan masyarakatnya.

Para pendidik memang sedar bahawa antara bidang-bidang kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis, bidang penulisan adalah kemahiran yang paling tinggi dan agak sukar dikuasai jika dibandingkan dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana sebelum kanak-kanak mula diajar melafazkan pemikirannya dalam bentuk penulisan, mereka perlu terlebih dahulu diberi asas yang kukuh dalam struktur-struktur linguistik bahasa yang hendak digunakan. Misalnya sebelum kanak-kanak boleh mula belajar menulis sesuatu karangan dalam bahasa Melayu, mereka perlu terlebih dahulu mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas mengenai sistem bunyi (fonologi), perbendaharaan kata, tatabahasa dan sistem makna (semantik) bahasa tersebut.





Antara beberapa kemahiran bahasa iaitu lisan, membaca dan menulis, kemahiran menulis boleh dianggap sebagai kemahiran yang paling tinggi tatatingkat kedudukannya dan paling sukar diajar. Kita boleh katakan demikian kerana hampir semua orang normal boleh bertutur dan ramai pula yang boleh membaca, tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang boleh menulis dan mengarang dengan baik.

Ini diakui sendiri oleh Abdul Aziz (1985:696) yang menyatakan bahawa, kemahiran menulis dianggap sebagai kemahiran paling penting yang perlu diajar. Ini kerana penulisan merupakan satu aspek penting perakaman bahasa yang melibatkan fikiran, pengetahuan, teknik dan gaya. Oleh sebab itu, penulisan dianggap sebagai salah satu asas orang-orang terpelajar. Dengan itu menulis karangan merupakan teknik pengujian yang paling kerap digunakan untuk menguji kemahiran penulisan pelajar-pelajar di peringkat sekolah menengah.

Secara amnya, pengajaran karangan di peringkat sekolah menengah adalah sama dengan peringkat sekolah rendah iaitu jika dilihat pada asas objektifnya secara menyeluruh ia adalah untuk menunaikan kehendak Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia (sekolah menengah); objektifnya agak kompleks iaitu secara tuntas bertujuan untuk menyampaikan buah fikiran, idea, fakta, pandangan, ulasan dan sebagainya. Oleh yang demikian, kemahiran mengarang perlu dipelajari di sekolah dan mereka perlu diberi latihan secara intensif kerana sebahagian besar pendidikan formal melibatkan kerja-kerja formal.

Menurut Juriah, Raminah dan Sofia (1990:1876), menyatakan bahawa dalam sesebuah bilik darjah, terdapat pelajar-pelajar yang mempunyai kebolehan yang berbeza-beza. Dalam kemahiran menulis, murid-murid bukan sahaja



berbeza dari segi menghasil dan menyusun ayat untuk menjadi satu kesatuan, tetapi juga berbeza dari segi pengalaman yang menjadi bahan penulisan mereka. Ini bermakna guru perlu menyediakan pelbagai pengalaman dan rangsangan yang dapat membantu para pelajar menghasilkan penulisan mereka. Oleh itu, guru perlulah bijak merancang pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penulisan serta mengarang.

Ini diakui oleh Baharum (1997), yang menyatakan bahawa, mengarang adalah satu aktiviti penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Pengajaran dan pembelajaran karangan mustahak untuk semua peringkat kerana peringkat ini merupakan yang tertinggi dalam kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran menulis. Hal ini selaras dengan prinsip pengajaran bahasa, bahawa penguasaan kemahiran berbahasa adalah mengikut susunan tertentu iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Pendapat beliau turut dipersetujui oleh Azman yang memetik Atan (1997:280), yang menyatakan bahawa kemahiran menulis berbeza dengan kemahiran bertutur dari segi teknik penyampaian yang digunakan. Hal ini adalah kerana bahasa lisan lebih bersifat bersahaja , pada hal bahasa tulisan adalah bersifat bersih dan terancang.

Manakala Abdul Shukor (2001), menyatakan bahawa mempelajari bahasa bermaksud mempelajari kemahiran yang mempunyai hubungan dengan bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis. Keempat-empat kemahiran ini perlu dipelajari oleh seseorang supaya dapat menggunakan bahasa dengan baik. Antara keempat-empat kemahiran itu, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai.



Kemahiran menulis merupakan kemahiran penting yang dapat membantu mengukuhkan pola bahasa. Oleh sebab itu, dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, kemahiran menulis sangat diberi penekanan.

Sebagai kesimpulan, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sukar dikuasai oleh para pelajar berbanding dengan kemahiran berbahasa yang lain. Kemahiran ini perlu dikuasai oleh para pelajar kerana ia akan memudahkan mereka melahirkan perasaan, idea, fakta, emosi dan sebagainya dalam penulisan mereka. Untuk mencapai ke tahap penguasaan sebenar, mereka perlu didedahkan dengan latihan amali yang intensif seberapa kerap yang mungkin. Di sinilah letaknya peranan guru dalam merangsang dan menjana idea pelajar dengan menggunakan teknik pengajaran yang berkesan agar objektif sukatan pelajaran Bahasa Malaysia akan dapat dicapai.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Di Malaysia Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia pernah melaporkan kelemahan mengarang para pelajar pada peringkat SPM (Laporan Prestasi Calon SPM/MCE 1978 – 1987) ; kualiti bagi kebanyakan karangan para pelajar hanya berada pada tahap yang lemah atau sederhana sahaja. Malahan pada peringkat STPM, mutu karangan bagi kebanyakan para pelajar hanya berada pada tahap lemah atau sederhana sahaja (Laporan Majlis Peperiksaan Malaysia mengenai prestasi calon STPM 1985 – 1987).

Setiap tahun, Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia melaporkan tentang kelemahan calon yang menduduki peperiksaan PMR, SPM

dan STPM dalam karangan. Laporan tersebut menunjukkan bahawa kelemahan pelajar dalam karangan biasanya tertumpu kepada masalah-masalah berikut.

Di antara kelemahan tersebut adalah kelemahan isi. Kelemahan isi yang dimaksudkan ialah isi fakta yang tidak cukup, isi yang kurang tepat atau yang kurang relevan ataupun bersesuaian dengan tajuk karangan, isi yang tidak menggambarkan kematangan fikiran atau idea yang ingin disampaikan dan juga isi yang terpesong daripada tajuk karangan.

Selain daripada kelemahan isi seperti mana yang dinyatakan seperti fakta di atas, kelemahan teknik mengarang juga adalah salah satu faktor utama kelemahan dalam teknik mengarang. Di antara kelemahannya adalah terdapat bahagian pendahuluan yang terlalu panjang atau tidak relevan, bahagian penutup atau kesimpulan yang kurang berkesan, pertalian atau perkaitan antara perenggan dalam karangan tidak bersepadu atau tidak logik antara tidak merangka karangan terlebih dahulu.

Faktor seterusnya ialah dari segi kelemahan bahasa. Kelemahan daripada aspek bahasa yang sering terdapat kelemahannya ialah ejaan yang salah, terdapat ayat yang panjang, struktur ayat yang tidak kemas dan tidak gramatis, mempunyai ayat yang tergantung, maksud ayat yang kabur, pemilihan atau penggunaan istilah atau perkataan yang terhad atau kurang menepati atau sesuai, terdapatnya pengaruh dialek, penggunaan perkataan Bahasa Inggeris, gaya penulisan yang ekspresinya lemah kerana kosa kata yang terhad dan kelemahan bahasa seterusnya ialah tidak menggunakan kata hubung.

Pencapaian pelajar dalam peperiksaan pasti tidak dapat dipisahkan daripada peranan guru. Di sekolah-sekolah, tidak semua guru Bahasa Melayu



mempunyai pengetahuan yang cukup tentang ilmu Bahasa Melayu dan teknik-teknik pengajaran mata pelajaran tersebut. Bahkan terdapat guru-guru yang tidak mendapat latihan mengajar Bahasa Melayu tetapi dipertanggungjawabkan untuk mengajar mata pelajaran tersebut disebabkan masalah kekurangan guru.

Dapatan kajian Awang (1981), menunjukkan bahawa sebilangan besar guru terlatih yang sedang mengajar Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah atas, mempunyai ijazah 'Pengajian Melayu' serta disokong oleh latihan diploma atau sijil perguruan am. Inilah hakikatnya, dan hal ini juga berlaku di peringkat universiti setempat. Memang sukar untuk mendapatkan guru-guru terlatih yang khusus dilatih secara amali untuk menulis karangan atau esei. Sememangnya ada di antara guru-guru terlatih itu pernah dilatih menulis esei ilmiah seperti kertas kerja kursus dan tesis, tetapi adakah latihan itu akan meliputi objektif pengajaran-pembelajaran karangan? Pertanyaan ini didasarkan bahawa, aspek-aspek kemahiran dalam karang mengarang tidaklah terbatas pada kemahiran menyampaikan fakta seperti dalam latihan penulisan ilmiah, malah lebih luas lagi ruang lingkupnya seperti dalam penulisan kreatif dan juga penulisan tentang pengalaman diri sendiri.

Dalam laporan penyelidikan Farid dan Ajid (1981:65), menyatakan bahawa 58.25% daripada guru tidak tahu kaedah apakah yang mereka gunakan ketika mengajar bahasa Melayu. Ini mungkin ada kaitan dengan jumlah guru yang mengajar Bahasa Melayu tidak mendapat latihan yang mencukupi untuk mengajar bahasa itu.

Hasil penyelidikan mereka juga menggambarkan bahawa, lebih separuh daripada para guru bahasa Melayu tidak dapat menjadi guru Bahasa Melayu



yang berkesan. Kita tidak boleh menyalahkan guru semata-mata, mereka mungkin mempunyai motivasi untuk memperbaiki mutu pengajaran mereka tetapi tidak berpeluang kerana memang belum ada pun satu kaedah pengajaran Bahasa Melayu yang berkesan untuk pelbagai peringkat persekolahan. Andaian ini mungkin ada kebenarannya. Idea ini pernah dikemukakan oleh Azman (1984:47), menurutnya, secara umum bolehlah dikatakan bahawa tidak terdapat satu kaedah atau pendekatan mengajar tatabahasa pada semua peringkat di sekolah-sekolah yang boleh dipertanggungjawabkan.

Di sekolah-sekolah tidak semua guru Bahasa Melayu mempunyai pengetahuan yang cukup tentang ilmu Bahasa Melayu dan teknik-teknik pengajaran mata pelajaran tersebut. Bahkan terdapat guru-guru yang tidak mendapat latihan tetapi dipertanggungjawabkan mengajar Bahasa Melayu disebabkan oleh masalah kekurangan guru. Keadaan ini pastilah mendatangkan masalah kepada guru-guru berkenaan, yang sedikit sebanyak menjejaskan prestasi para pelajar.

Menurut Mohammad (1992), yang menyatakan tentang, apa yang paling menakutkan ialah hakikat bahawa pengaruh budaya pengajaran yang diterima semasa di bangku sekolah masih ketara dalam kalangan guru pelatih. Menurut beliau lagi, pengalaman semasa menyelia guru pelatih termasuk pelajar universiti, menunjukkan bahawa masalah ini memang wujud. Akibatnya kebanyakan teori, pendekatan dan kaedah menggunakan pendekatan yang stereotaip. Keadaan ini akan menjadi sukar apabila pendekatan stereotaip ini telah berdarah daging dalam budaya pengajaran bahasa.



Latihan yang diterima semasa di maktab dan universiti turut memberi implikasi ketika mereka bertugas. Walaupun guru melaksanakan tugas dengan baiknya, tetapi kalau sistem latihan yang diperolehi tidak dapat digunakan dengan sebaik-baiknya, mungkin hal ini akan mendatangkan implikasi yang besar ketika mereka mula bertugas.

Sebenarnya perkaitan guru dan penguasaan bahasa sebagai penutur bahasa yang berkesan memainkan peranan utama untuk mengajarkan Bahasa Melayu. Hal ini dijelaskan oleh Khairiah (1993), yang menyatakan, pertuturan yang bermutu tinggi dapat menolong guru memenuhi dua fungsi penting, menyampaikan maklumat dengan tepat dan jelas serta menjadi model pertuturan kepada murid supaya mereka dapat meniru gaya pertuturan yang baik.

Kenyataan ini turut disokong oleh Nawi (1995), yang menyatakan terdapat guru Bahasa Melayu yang cukup terlatih tetapi kurang berjaya mempertingkatkan minat pelajar terhadap Bahasa Melayu. Di antara faktor-faktor yang dikenal pasti ialah kegagalan guru berkenaan menggunakan alat bantu mengajar ataupun kegagalan mereka merancang aktiviti-aktiviti yang dapat melibatkan pelajar secara aktif sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Kejayaan atau pun kegagalan seseorang guru Bahasa Melayu mempertingkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut akan menentukan juga tahap pencapaian Bahasa Melayu dalam peperiksaan.

Hakikat ini turut diakui oleh Halijah (1997), menurutnya, dalam pengajaran sesuatu bahasa, guru bahasa ialah orang yang bertanggungjawab untuk menentukan pengajarannya sama ada berkesan atau sebaliknya. Oleh



sebab itu, untuk mengajar Bahasa Melayu, seseorang guru memerlukan kemahiran bahasa yang asas agar pengajaran bahasa di bilik darjah berjalan dengan lancar.

Masalah penguasaan kemahiran menulis karangan di kalangan pelajar merupakan salah satu faktor yang turut menjejaskan pencapaian yang cemerlang dalam usaha Kementerian Pendidikan meningkatkan reputasi mata pelajaran bahasa Melayu. Menurut Awang (1980), menyatakan contoh kesalahan dalam kohesi yang dilakukan oleh para pelajar dilihat sebagai petanda yang menunjukkan ayat yang dihasilkan itu tidak mantap atau tidak menunjukkan tautan makna mengikut prinsip retorik suatu karangan. Para pelajar kurang mendapat teguran daripada penilaian yang dilakukan dan hal ini menyebabkan mereka tidak sedar tentang kepentingan ayat yang seharusnya dilihat juga dari segi tekstur dan jalinannya untuk membina satu kesatuan yang benar-benar utuh.

Kenyataan ini turut diakui oleh Lieber (1980), yang menyatakan, ada beberapa faktor yang telah menyebabkan para pelajar kurang memberikan tumpuan kepada penggunaan aspek ini. Salah satu faktor tersebut ialah keketekan pengetahuan tentang item kosa kata. Kecetekan pengetahuan tentang aspek ini juga mengganggu keutuhan ayat tersebut dari segi tautan makna dan pertalian sintaksis. Walaupun para pelajar tahu menggunakan perkataan yang sesuai, mereka masih lagi kabur tentang potensi fungsi kohesi yang sebenarnya. Masalah ini jika dibiarkan berlanjutan, dapat membantutkan arah haluan pelajar itu sendiri dalam usaha menghasilkan wacana yang menepati kehendak prinsip retorik suatu hasil karangan.





## BIBLIOGRAFI

### Artikel

- Abdul Aziz Abdul Talib. 1985. *Menilai Kemahiran Pelajar Menulis Karangan Satu Tinjauan Permarkahan*. Dewan Bahasa. Sept. hlm.696-713.
- Abdul Aziz Abdul Talib. 1989. *Kajian Penulisan Terhadap Pelajar Tingkatan 4* Dewan Bahasa. Mac hlm 321.
- Abdul Aziz Abdul Talib. 1990. *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kualiti Karangan Pelajar : Satu Tinjauan Karya dan Penyelidikan*. Dewan Bahasa jld.34.bil.6.hlm 409 – 414.
- Abdul Ghafar Mohd.Din. 1990. *Kaedah Himpunan Fikiran: Penyelesai Masalah Murid Yang Aktif*. Pelita Bahasa. Jld. 2.Bil.5.hlm. 18-19.
- Abdul Sukor. 2001, *Penulisan Karangan: Beberapa Proses Yang Harus Dilalui Oleh Pelajar*. Dewan Bahasa. Jld. 1. Bil.2. hlm. 24-27.
- Awang Mohammad Amin. 1983. *Beberapa Masalah Pengajaran Pembelajaran Karangan Peringkat Tinggi*. Dewan Bahasa. Mac, hlm.188-194.
- Awang Sariyan. 1980, *Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 1991. *Kemahiran Penulisan Dalam Konteks Pembinaan Wacana Yang Utuh*. Dewan Bahasa. Ogos, hlm. 1032 -1044.
- Azman Wan Chik. 1983. *Kesilapan Penggunaan Bahasa Melayu Oleh Murid Melayu* . Dewan Bahasa.
- Baharum Hj. Sulaiman. 1997. *Pengajaran Karangan Bahasa Melayu*. Pelita Bahasa Jld. 9. Bil.4 hlm.21-23
- Lembaga Peperiksaan Malaysia, 1985. *Laporan Prestasi Peperiksaan SPM/MCE* Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd. Jonit Mohd.Johari. 1994. *Beberapa Dikotomi Pokok Dalam Pengajaran Dan Pemelajaran Kemahiran Menulis Karangan*. Dewan Bahasa. Jld. 38 .Bil. 1.hlm. 53-60.
- Narayanan Kunchi Raman. 1992. *Penulisan Karangan: Proses Penyemakan*. Pelita Bahasa, Jun.
- Narayanan Kunchi Raman. 1993. *Kesalahan Bahasa Dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)*. Dewan Bahasa. Mei hlm. 457-465.



- Nawi Ismail. 1995. *Sikap Menentukan Pencapaian Bahasa Melayu*. Pelita Bahasa, hlm.20-21.
- Nawi Ismail. 1994. *Teknik Mengarang Yang Berkesan*. Pelita Bahasa. Jld. 6 Bil.8. Hlm. 18-19.
- Omar Mamat. 1993. *Kemahiran Belajar Melalui Teknik Perbincangan*. Pelita Bahasa Jld.5. Bil. 12. hlm. 22-23.
- Raminah Hj. Sabran. 1993. *Menyuburkan Kemahiran Mengarang Di Kalangan Pelajar* Pelita Bahasa. Jld.5. Bil.5 hlm. 13-16.
- Roselan Baki. 1994. *Strategi Penyelesaian Masalah Dalam Mengajarkan Karangan*. Pelita Bahasa. Jld.6.Bil.7.
- Roselan Baki. 1997. *Potensi Teori Sosiokonstruktivisme Dan Pengajaran Karangan*. Pelita Bahasa. Jld. 6. Bil.7.
- Roselan Baki. 2000. *Jurnal Pembinaan Dan Pengembangan Bahasa*, Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.Jld.44.Bil.2
- Rosnih @ Angela Tundim. 2001, *Strategi Penyelesaian Masalah Sukar Mengemukakan Idea*. Jurnal Ilmiah Maktab Perguruan Gaya, Kota Kinabalu, Sabah, Bil.8.hlm 125-132.
- Samat Buang. 1995. *Penjanaan Idea Melalui Teknik Kumpulan Nominal*. Pelita Bahas Jld. 7.Bil. 8.hlm. 18-19.
- Samat Buang. 1995, *Teknik Sumbang Saran Dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Pelita Bahasa. Jld. 7. Bil. 4. hlm. 23-24.
- Sharifah Fakhirah Syed Ahmad Dan Teoh Boon Seong. 1986. *Satu Analisis Kesilapan Pemelajaran Sekumpulan Pelajar Tingkatan Satu*. Dewan Bahasa.
- Sulaiman Sharkawi. 1993.*Mengintegrasikan Pemproses Perkaitan Dalam Pengajaran Penulisan Karangan*. Dewan Bahasa.



## Buku

- Abdul Aziz Abdul Talib. 2000. *Pedagogi Bahasa Melayu : Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn, Bhd.
- Cohen, L dan Manion L. 1989. *Research Method In Education*. London Routledge.
- Jonz, J. 1987. *Textual Cohesion And Second Language Comprehension In Language Learning*.
- Juriah Long dan Rakan-rakan. 1990. *Perkaedahan Mengajar Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hj.Husin. 1986. *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa*. Petaling Jaya : Penerbitan Sarjana Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hj.Husin. 1989. *KBSM dan Strategi Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur:Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Kamarudin Hj.Husin & Siti Hajar Abdul Aziz. 1997. *Penguasaan Kemahiran Menulis*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hj.Husin. 1988. *Pedgogi Bahasa*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Khatijah Abdul Hamid. 1998. *Tatabahasa dan Semantik Dalam Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa. Julai, hlm.632-641.
- Krashen. 1989. *Writing Research Theory And Application*. New York Pergamon.
- Koh Boh Boon. 1981. *Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication& Distributors. Sdn. Bhd.
- Mc Carthy, S.J. Rapheal. T.E. 1992. *Alternative Perspectives Of Reading And Writing Connections*. Dlm S. Irwin dan Doyle (ed) Reading And Writing Connections. Network DE: International Reading Associations.
- Raimes. Ann 1983. *Technique In Teaching Writing*. Oxford. Oxford University Press.
- Raimes. 1992. *Exploring Through Writing*. New York: Martin Press.
- Md. Baki Ibrahim. 2003. *Teori-Teori Pembelajaran Pendidikan Seni. Pendidikan Seni Untuk Maktab & Universiti*. PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Smith Frank. 1982. *Writing And The Writer*. London: Heinemann Eductional Books.
- Sulaiman Sharkawi. 1993. *Mengintegerasi Pemproses Perkaitan Dalam Pengajaran Penulisan Karangan*. Dewan Bahasa.



**Kamus**

**Kamus Dewan. 1970. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.**

